



چائرس اے اے اسلام
دائے عادت مایو فریک

Edisi 7 | 2025 | Bilangan 56 | Edaran Percuma

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



**15 SYARIKAT KORPORAT SERAH ZAKAT
PERNIAGAAN KEPADA DULI YANG MAHA
MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK**

BERJUMLAH RM20.1 JUTA

PENGURNIAAN WARKAH PENGHARGAAN

ATAS PENYERAHAN ASET WAKAF
HOTEL SERI WARISAN, TAIPING



MAIPK TURUN PADANG SANTUNI

MANGSA BANJIR DI TAIPING DAN MANJUNG



Edisi 7 | 2025 | Bilangan 56

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



Sidang Redaksi

PENASIHAT

Syamsul Hazeman bin Md Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Munawir bin Mohamed Noh
Pengurus Besar Bahagian Komunikasi
Strategik, Sekretariat & Adat Melayu

EDITOR

Norhidayu binti Sakdon
Pengurus Unit Komunikasi Strategik

Mohd Yakop bin Ikram
Penolong Pengurus Unit Komunikasi
Strategik

JURUFOTO

Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Amirul Khalid bin Ahmad
Pembantu Tadbir Unit Sekretariat

EDARAN

Unit Komunikasi Strategik

Edisi 7 | 2025 | Bil. 56

Wadah

DITERBITKAN OLEH:

Unit Komunikasi Strategik
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-208 4000 Faks: 05-241 4257

Laman web: www.maipk.gov.my
<https://wakafperak.gov.my/>

Emel: korporat@maipk.gov.my

Facebook: Majlis Agama Islam dan 'Adat
Melayu Perak

Instagram : ZakatPerak_Official

Tiktok : MajlisAgamalslamPerak

Isi Kandungan

Sidang Redaksi	2
Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan	3 - 4
Majlis Pengurniaan Watikah Pelantikan Anggota MAIPK	5
Semasa	6 - 18
Jom bayar Fidyah	19
Hotel Warisan Taiping	20



15 SYARIKAT KORPORAT SERAH ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK BERJUMLAH RM20.1 JUTA

**ISTANA PERAK, CHANGKAT PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR,
22 OKTOBER 2025**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima bayaran zakat berjumlah RM14,294,877.22 daripada tujuh syarikat korporat kepada Zakat Perak Al Ridzuan (ZAPAR). Antara tujuh penyerah zakat perniagaan yang terlibat adalah Etiqa General Takaful Berhad, FGV Holdings Berhad, Lembaga Tabung Haji, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Pintas Utama Sdn Bhd, Plus Malaysia Berhad dan Takaful Malaysia. Zakat memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial umat Islam. Sehubungan itu, penyerahan zakat oleh syarikat korporat amat memberi manfaat yang besar kepada golongan asnaf di negeri Perak.





ISTANA KINTA, IPOH, 30 OKTOBER 2025

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima bayaran zakat berjumlah RM5,831,264.89 daripada lapan syarikat korporat kepada Zakat Perak Al Ridzuan (ZAPAR). Lapan syarikat korporat yang terdiri daripada Felcra Berhad, Ipoh Specialist Hospital, Koperasi Kemajuan Tanah Perak Berhad, Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak Berhad, Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Berhad, KPJ Sri Manjung Specialist Hospital, Metropolitan Utilities Corporation Sdn. Bhd. dan YP Nominees Holdings Sdn. Bhd.

Zakat perniagaan yang diserahkan oleh syarikat korporat ini telah menunjukkan bahawa komitmen yang tinggi dalam membantu ekonomi dan sosial asnaf di negeri Perak. ZAPAR sentiasa komited menjalankan tugas dakwah dan aktiviti kutipan kepada individu mahupun syarikat korporat dalam melaksanakan kewajipan berzakat.





MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN ANGGOTA MAIPK

IPOH, 30 Oktober 2025 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah telah berkenan mengurniakan watikah pelantikan Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) kepada Puan Selwah binti Haji Said, mantan Pengarah Jabatan Audit Negeri Perak yang berlangsung di Istana Kinta.

Pelantikan Puan Selwah mencerminkan kepercayaan dan penghargaan terhadap pengalaman luas serta kepakaran beliau dalam bidang pengauditan dan tadbir urus kewangan. Semoga pelantikan ini dapat memperkukuh fungsi serta kecekapan pentadbiran MAIPK dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab terhadap pembangunan ummah di negeri Perak.

Majlis turut disaksikan Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jen. Dato' Seri Diraja Tan Sri (Dr.) Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin, Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini, Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja, Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan, Orang Besar Jajahan Manjung, YDH Toh Seri Bijaya, Leftenan Kolonel Dato' Shahrudin bin Haji Nazari (Bersara), YDH Toh Seri Wangsa, Dato' Haji Ahmad Suhaili bin Md Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh.





Edisi 7 | 2025 | Bilangan 56

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



PENGURNIAAN WARKAH PENGHARGAAN ATAS PENYERAHAN ASET WAKAF HOTEL SERI WARISAN, TAIPING



KUALA LUMPUR, 22 Oktober 2025 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah telah berkenan mencemar duli mengurniakan Warkah Penghargaan kepada Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR) yang diwakili oleh Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR, YBrs. Encik Hairolanuar bin Mohamad. Pengurniaan ini sebagai tanda penghargaan di atas komitmen pembinaan dan penyerahan Hotel Seri Warisan (Hotel Wakaf Taiping) Fasa 2, Taiping di Istana Perak, Changkat Persekutuan, Kuala Lumpur.

Majlis turut dihadiri oleh Yang Teramat Mulia Raja Kecil Besar Perak Darul Ridzuan, Raja Dato' Seri Azlan Muzaffar Shah ibni Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh.

Dalam warkah tersebut, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan menzahirkan penghargaan atas sokongan serta sumbangan JAWHAR dalam memperkasakan institusi wakaf di negeri Perak melalui pembangunan dua blok hotel wakaf menggunakan dana Rancangan Malaysia berjumlah RM42 juta. Projek ini menjadi pemangkin dan dorongan kepada MAIPK untuk terus berusaha mengoptimalkan pengurusan aset wakaf agar lebih berkesan, berdaya maju dan lestari.

Semoga kerjasama erat antara JAWHAR dan MAIPK akan terus memperkukuh potensi dan memperluas sumbangan wakaf di negara ini, khususnya di Negeri Perak Darul Ridzuan.

Menjunjung kasih, Tuanku !





GERAN iTEKAD LONJAK USAHAWAN PROPER A MAIPK KE ARAH KEUSAHAWANAN MAMPAN



IPOH, 15 Oktober 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah melaksanakan Majlis Penyerahan Geran iTEKAD kepada seramai 51 usahawan PROPER A MAIPK bertempat di Dewan al Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Jumlah keseluruhan Geran iTEKAD yang disalurkan adalah sebanyak RM385,000.00, merangkumi RM200,000.00 geran daripada Bank Islam Malaysia Berhad dan RM185,000.00 geran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Majlis disempurnakan dengan perasmian oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh, diikuti penyerahan geran oleh Pengarah SSM Negeri Perak, Azurah Nor Sariff. Turut hadir menyempurnakan sebahagian penyerahan geran ialah Ketua Syariah merangkap Group Chief Social Finance Officer Bank Islam Malaysia Berhad, Mohd Nazri bin Chik.

Para usahawan menerima geran modal perniagaan antara RM5,000.00 hingga RM40,000.00, dan sebahagian daripada mereka turut memperoleh pembiayaan tambahan daripada Bank Islam antara RM20,000.00 hingga RM50,000.00. Program iTEKAD bukan sekadar pemberian dana, malah merupakan inisiatif berterusan untuk melahirkan usahawan asnaf yang berdikari, mampan dan berjaya, seterusnya memperkukuh ekonomi keluarga serta berpotensi menjadi penyumbang semula melalui zakat perniagaan.





Edisi 7 | 2025 | Bilangan 56

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



KUNJUNGAN HORMAT MAAHAD TAHFIZ MADRASATUL MAARIF

IPOH, 7 Oktober 2025 - Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Syamsul Hazeman bin Md Salleh menerima kunjungan hormat daripada delegasi Maahad Tahfiz Madrasatul Maarif yang diketuai oleh Pengerusi Maahad Tahfiz, Ismail bin Ahmad bagi membincangkan potensi kerjasama dalam aspek pembiayaan pendidikan melalui sumber zakat dan wakaf. Pertemuan ini turut memberi ruang kepada perbincangan mengenai pematuhan syariah dalam projek pendidikan serta peluang pembangunan ekonomi berasaskan wakaf yang boleh dimanfaatkan bersama.



KERJASAMA STRATEGIK MAIPK DAN UPSI DALAM KONTEKS PENYELIDIKAN KELESTARIAN WARISAN PERAK BERLANDASKAN ISLAM



IPOH, 7 Oktober 2025 - Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat dan Adat Melayu, MAIPK, Munawir bin Mohamed Noh mewakili Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK menyampaikan surat pelantikan menjalankan penyelidikan bagi pihak MAIPK kepada Prof Madya Dr. Anida Sarudin (UPSI) sebagai ketua penyelidik, Dr. Nur Syuhada Mat Sin (UPSI) dan Dr. Mohamad Nik Mat Pelet (UiTM).

Penyelidikan ini mengandungi empat program iaitu pengumpulan dialek Perak, penulisan buku kreatif ilmiah lima tokoh warisan Perak, podcast warisan Perak dan santun menerusi komik dan naratif rakyat dari manuskrip Misa Melayu. Semoga hasil kajian ini mendapat manfaat kepada masyarakat terutama generasi akan datang.

'Merasai warisan, menghayati sejarah'



LAWATAN KERJA MAIPK KE PUSAT KOREKSIONAL BATU GAJAH

BATU GAJAH, 13 Oktober 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Pusat Koreksional Batu Gajah bagi meninjau pelaksanaan Program Latihan Keusahawanan Kulinari serta membincangkan cadangan penganjuran Majlis Perasmian Diraja. Lawatan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh disambut oleh Timbalan Pengarah Penjara Negeri Perak, PKK Mohamed bin Ali bersama Pengarah Pusat Koreksional Batu Gajah, PKP S. Tanabal a/I Socklingam.

Turut serta Ketua Unit Protokol dan Istiadat Negeri Perak, Azahari Effendy bin Abd Rahim, wakil Dato' Pengelola Bijaya Diraja kepada DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Siti Zubaidah binti Zainon, dan Ketua Pegawai Operasi MAIPK, Wan Maizura binti Haji Wan Zahari. MAIPK amat berbesar hati atas keterbukaan pihak Pusat Koreksional Batu Gajah dalam menyediakan platform pemerkasaan diri kepada banduan melalui latihan kemahiran yang berstruktur. Usaha ini selari dengan komitmen MAIPK untuk memperkasa asnaf serta memberi peluang kedua kepada mereka yang memerlukan sokongan.

MAIPK percaya bahawa program ini bukan sahaja mampu melahirkan usahawan kulinari dalam kalangan peserta, malah berpotensi meningkatkan taraf ekonomi mereka selepas pembebasan kelak. Cadangan Majlis Perasmian Diraja juga dilihat sebagai simbol sokongan tertinggi terhadap inisiatif pemulihan dan pembangunan insan.





Edisi 7 | 2025 | Bilangan 56

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



MAIPK TURUN PADANG SANTUNI MANGSA BANJIR DI MATANG DAN KAMPUNG JAHA



TAIPING, 24 Oktober 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) turun padang menyantuni mangsa banjir di sekitar Matang dan Kampung Jaha yang terjejas akibat hujan lebat sejak beberapa hari lalu. Kehadiran wakil MAIPK bersama-sama agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bertujuan meninjau keadaan sebenar di lapangan serta menyalurkan bantuan segera kepada mangsa yang terlibat. Dalam lawatan tersebut, MAIPK turut menghulurkan bantuan tunai segera kepada keluarga yang terjejas bagi meringankan beban yang ditanggung.



Lawatan ini turut memberi ruang kepada MAIPK untuk mengenal pasti keperluan pasca banjir di lokasi berkenaan termasuk bantuan pemulihan kediaman dan prasarana komuniti yang terjejas. MAIPK komited untuk terus mendekati masyarakat yang memerlukan serta memastikan kebajikan mangsa bencana di seluruh negeri Perak mendapat perhatian sewajarnya.



MAIPK HULUR BANTUAN SEGERA KEPADA MANGSA BANJIR DI PPS PADANG SERAI, PANTAI REMIS

PANTAI REMIS, 25 Oktober 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus melaksanakan tanggungjawab dengan menyalurkan bantuan segera kepada mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Padang Serai, Padang Rengas.

Misi bantuan ini diketuai oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Suhaimi bin Yusoff bersama Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Mohammed Tasyreef bin Mohamd Tarmizi. Turut serta kakitangan MAIPK yang bersama-sama menziarahi dan menyantuni keluarga terjejas akibat banjir yang melanda sejak beberapa hari lalu. Selain menyalurkan bantuan segera, MAIPK juga mengambil maklum dan mengenal pasti keperluan bantuan susulan (pasca banjir).





MAIPK LAHIRKAN WIRA TVET, 100 PESERTA ASNAF SERTA KURSUS T-BOSIET DALAM BIDANG MINYAK & GAS

IPOH, 6 Oktober 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) sekali lagi melakar sejarah bermakna apabila seramai 100 peserta Program TVET MAIPK secara rasmi dilepaskan untuk mengikuti Kursus T-BOSIET (Tropical Basic Offshore Safety Induction and Emergency Training) di Akademi Binaan Malaysia (ABM).

Peserta akan menjalani latihan intensif sebelum ditempatkan terus ke industri pekerjaan yang menuntut kemahiran profesional dan disiplin yang tinggi. Mereka bukan sekadar peserta, mereka adalah anak-anak harapan MAIPK. Generasi yang menggalas impian keluarga dan menyulam masa depan dengan tangan sendiri. Dengan tajaan hasil kutipan zakat, mereka akan mengikuti latihan seterusnya ditempatkan di industri pekerjaan.

Setiap langkah mereka adalah janji bahawa kemiskinan bukan penghalang, asal-usul bukan batasan, hanya dengan ilmu dan usaha, segala mimpi akan jadi kenyataan. Tahniat kepada semua peserta. Teruslah melangkah dengan semangat, disiplin dan keikhlasan kerana masa depan sedang menunggu anda di pelantar kejayaan.





Edisi 7 | 2025 | Bilangan 56

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



PEMBEKALAN MAKANAN BERKHASIAT BERJUMLAH RM206,400.00 KEPADA MURID-MURID RUMAH BACA ROYAL BELUM

GERIK, 2 Oktober 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) bersama Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNPK) telah melaksanakan Sesi Pemantauan Berkala di Rumah Baca Royal Belum bagi meninjau kemajuan pembelajaran anak-anak Komuniti Orang Asli di kawasan pedalaman tersebut.

Hasil tinjauan mendapati sesi pembelajaran berjalan dengan baik, dengan peningkatan ketara dalam kemahiran mengenal huruf dan mengira dalam kalangan murid. Rumah Baca ini menampung penglibatan seramai 200 orang anak-anak Orang Asli, meliputi enam buah kampung di Rumah Baca Keja, Rumah Baca Hibol, Rumah Baca Tanhain, Rumah Baca Kampung Klawang, Rumah Baca Sungai Tiang dan Rumah Baca Kampung Bongor.

Selain memberi sokongan pendidikan asas, MAIPK turut melaksanakan Program Pembekalan Makanan Berkhasiat bagi tempoh setahun (Mei 2025 – Mei 2026), dengan peruntukan sebanyak RM206,400 termasuk kos penghantaran. Program ini bertujuan memastikan anak-anak di Rumah Baca Royal Belum mendapat bekalan makanan sihat dan seimbang bagi menyokong tumbesaran fizikal serta kecergasan minda mereka.

MAIPK merakamkan penghargaan kepada semua pembayar zakat di Negeri Perak serta rakan pelaksana yang sentiasa bersama menjayakan inisiatif ini. Semoga usaha berterusan ini menjadi pemangkin kepada masa depan yang lebih cerah buat generasi Orang Asli di Royal Belum.

30 JURUTEKNIK FIBER OPTIK DILAHIRKAN LAGI MELALUI LATIHAN TVET MAIPK

IPOH, 18 Oktober 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus komited memperkasa golongan asnaf melalui program pembangunan kemahiran. Terbaharu, seramai 30 orang asnaf akan menerima tajaan Kursus Juruteknik Fiber Optik selama sebulan di bawah program TVET MAIPK menerusi kaedah "Place & Train", iaitu latihan disusuli penempatan kerja dalam industri.

Kumpulan ini merupakan kohort kedua bagi Kursus Juruteknik Fiber Optik. Sebelum ini, 50 peserta kumpulan pertama telah berjaya menamatkan latihan dan kini bekerja dalam industri telekomunikasi di negeri-negeri zon utara, khususnya Pulau Pinang dan Perak. Program ini dilaksanakan bagi memenuhi permintaan tinggi terhadap tenaga mahir dalam sektor fiber optik sekaligus membuka peluang pekerjaan yang stabil kepada golongan asnaf.

MAIPK yakin bahawa penganjuran program ini bukan sahaja mampu meningkatkan kemahiran teknikal peserta, malah secara langsung memperkukuh kebolehpasaran mereka dalam industri yang semakin berkembang. Secara keseluruhannya, inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik bagi membantu golongan asnaf keluar daripada kitaran kemiskinan dengan cara yang mampan, melalui pembangunan kemahiran dan peluang pekerjaan sebenar.





MAIPK SERI ISKANDAR SERAH BANTUAN BINA RUMAH

BELANJA, 10 Oktober 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) melalui Cawangan Seri Iskandar telah menyerahkan Bantuan Bina Rumah baharu kepada dua penerima asnaf di Daerah Perak Tengah. Jumlah keseluruhan bantuan yang disalurkan bagi kedua-dua rumah ini ialah RM159,000.00.

Majlis penyerahan rumah berkenaan telah disempurnakan oleh Pemangku Orang Besar Jajahan Perak Tengah, YDH Toh Seri Bijaya Lt. Kol (B) Dato' Shahrudin bin Hj. Nazari, diiringi oleh Pengurus Cawangan MAIPK Seri Iskandar, Ahmad Fadzil bin Mustafa. Turut hadir, Penghulu Kanan Mukim Belanja, Ekmal Hidir bin Mohamed Mokhtar, bersama pegawai-pegawai MAIPK serta wakil masyarakat setempat.

Program ini melambangkan keprihatinan dan komitmen MAIPK dalam memastikan setiap lapisan asnaf menikmati kediaman yang lebih sempurna, selesa dan selamat didiami. Ia juga menjadi sebahagian daripada usaha berterusan MAIPK untuk meningkatkan kesejahteraan hidup umat Islam di negeri Perak melalui pengurusan zakat yang efisien dan berimpak.





Edisi 7 | 2025 | Bilangan 56

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



MAIPK SALUR BANTUAN BINA RUMAH BERJUMLAH RM162,600.00 DI KUALA KANGSAR



KUALA KANGSAR, 7 Oktober 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) Cawangan Kuala Kangsar terus komited dalam membantu golongan asnaf memiliki kediaman yang selesa dan selamat. Terbaharu, sebanyak dua buah kediaman baharu telah disiapkan dan diserahkan kepada penerima dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM162,600.00.

Setiap rumah dibina dengan kos RM74,800.00 manakala selebihnya merupakan kos tambahan bagi kerja-kerja penyediaan tapak, sambungan utiliti serta kemudahan asas bagi memastikan keselesaan penghuni. Penyerahan bantuan tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus Besar MAIPK Zon Timur, Zul-Azri bin Hosaini, yang turut berpeluang menyantuni dan meninjau keadaan rumah baharu penerima.

MAIPK komited untuk terus memperkasa kesejahteraan hidup golongan asnaf melalui pelaksanaan pelbagai bentuk bantuan berimpak tinggi. Inisiatif ini bukan sahaja memberi tempat tinggal yang lebih selesa dan selamat kepada penerima, malah mencerminkan keprihatinan MAIPK dalam memastikan hasil kutipan zakat dimanfaatkan secara optimum untuk pembangunan ummah di negeri Perak.





MAIPK ZON UTARA SANTUNI MANGSA RIBUT DAN KEBAKARAN

KUALA KURAU, 7 Oktober 2025 - Pengurus Besar MAIPK Zon Utara, Mohd Saufi bin Ibrahim turun padang menyantuni dan menyampaikan bantuan kecemasan segera sebanyak RM500 kepada tiga keluarga mangsa kejadian ribut yang berlaku di Kampung Pandak Puteh, Kuala Kurau dan Kampung Bagan Tiang, Parit Buntar. Kejadian tersebut telah mengakibatkan kerosakan kepada tiga buah rumah penduduk setempat.

Antara kerosakan yang dilaporkan termasuk bumbung rumah rosak dan tercabut akibat tiupan angin kencang, manakala sebuah rumah lagi mengalami kerosakan teruk selepas ditimpa pokok tumbang. Selain bantuan tunai segera, pihak MAIPK turut memproses permohonan bantuan baik pulih rumah berdasarkan syarat dan kelayakan yang ditetapkan di bawah skim bantuan MAIPK.



TAIPING, 11 Oktober 2025 - Pengurus Besar MAIPK Zon Utara, Mohd Saufi bin Ibrahim turun padang menyantuni mangsa kebakaran dan menyampaikan bantuan segera berjumlah RM500 kepada mangsa kebakaran bagi meringankan beban awal yang ditanggung di Kampung Banggol Pasir, Changkat Jering, Taiping.

Kebakaran tersebut melibatkan rumah milik Haji Muhamad bin Dahman yang didiami tiga orang ahli keluarga. Kesemua mereka berjaya menyelamatkan diri tanpa sebarang kecederaan. Selain itu, MAIPK turut memaklumkan bahawa proses penilaian bagi bantuan bina rumah sedang dijalankan dan akan dipertimbangkan sekiranya mangsa memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan.



BAGAN SERAI, 24 Oktober 2025 - Pengurus Besar MAIPK Zon Utara, Mohd Saufi bin Ibrahim turun padang menyantuni mangsa kebakaran dan menyampaikan bantuan segera berjumlah RM500 kepada mangsa kebakaran di Kampung Parit Haji Hussin, Bagan Serai Perak. MAIPK sentiasa komited untuk membantu asnaf dan mangsa musibah agar mereka tidak terpinggir serta dapat meneruskan kehidupan dengan lebih baik.





Edisi 7 | 2025 | Bilangan 56

WADAH

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak



MAIPK BANTU PESAKIT TERLANTAR MELALUI SKIM BANTUAN PERUBATAN



KUALA KANGSAR, 10 Oktober 2025 - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) Cawangan Kuala Kangsar terus memperkukuh usaha membantu golongan asnaf yang diuji dengan masalah kesihatan melalui Skim Bantuan Perubatan MAIPK. Penerima bantuan merupakan pesakit terlantar akibat kecederaan otak kritikal selepas terlibat dalam kemalangan jalan raya pada tahun 2023. Bantuan diserahkan oleh Pengurus Besar Zon Timur, Zul-Azri bin Hosaini kepada keluarga penerima di Taman Harmoni, Kuala Kangsar.



Pembekalan bantuan perubatan selama enam bulan yang berjumlah RM16,198.00 ini meliputi pelbagai keperluan seperti susu nutrisi khas, lampin pakai buang, mesin sedut kahak, kerusi roda, tilam anti-luka baring dan peralatan pernafasan.

Bantuan ini membuktikan kesungguhan MAIPK dalam menyalurkan hasil zakat kepada golongan yang benar-benar memerlukan, khususnya pesakit kronik dan terlantar. Semoga bantuan ini sedikit sebanyak meringankan beban keluarga serta memberi keselesaan kepada pesakit untuk meneruskan rawatan dan penjagaan harian.

MAIPK CAWANGAN GERIK SERAH BANTUAN BINA RUMAH DAN BANTUAN PERUBATAN BERJUMLAH RM102,736.00

GERIK, 28 Oktober 2025 - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) Cawangan Gerik terus komited dalam memperkasa kebajikan golongan asnaf menerusi penyerahan Bantuan Bina Rumah dan Bantuan Perubatan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM102,736.00. Pengurus MAIPK Cawangan Gerik, Shamsul Anuar bin Zakaria turun padang menyantuni asnaf selain meninjau sendiri keadaan kediaman serta situasi semasa mereka yang menerima bantuan.



Penyerahan bantuan ini melibatkan dua kategori utama iaitu Bantuan Bina Rumah berjumlah RM74,800.00 kepada seorang penerima di Kampung Ulu Kenderong, Gerik. Seterusnya Bantuan Perubatan berjumlah RM27,936.00 melibatkan tujuh penerima daripada beberapa kampung sekitar Gerik termasuk Kampung Belum Baru, Kampung Kenayat dan Kampung Lalang.



Bantuan tersebut meliputi keperluan susu khas, lampin pakai buang, kerusi tandas duduk OKU, mesin oksigen, mesin penyedut khas, alatan tiub, serta alatan cucian perubatan bagi tempoh enam bulan. Usaha ini mencerminkan keprihatinan MAIPK dalam memastikan kebajikan asnaf di seluruh negeri Perak terus terbela selaras dengan objektif zakat untuk membantu golongan yang memerlukan tanpa mengira latar belakang dan keadaan hidup.






PENGAUDITAN SKIM LATIHAN KEMAHIRAN ASNAF MAIPK

Skim Latihan Kemahiran Asnaf merupakan salah satu inisiatif bantuan di bawah Program Pemerkasaan Pendidikan MAIPK yang bertujuan memperingkatkan kemahiran dan daya saing peserta asnaf dalam pasaran kerja. Bagi menilai keberkesanan pelaksanaan program ini, pengauditan telah dijalankan terhadap Kursus Gas Pipe Insulation (Bidang Oil & Gas) yang dilaksanakan di Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Timur, Terengganu.

Pengauditan ini memberi tumpuan kepada aspek pelaksanaan latihan, keberkesanan modul pembelajaran serta kesesuaian persekitaran latihan yang disediakan. Hasil penilaian ini akan menjadi asas penambahbaikan berterusan dalam memastikan setiap program latihan kemahiran anjuran MAIPK terus memberi impak positif kepada peserta asnaf dan seterusnya membantu mereka keluar daripada belenggu kemiskinan.



PENGAUDITAN PROGRAM BANK MAKANAN (FOOD BANK) MAIPK

Program Bank Makanan (Food Bank) merupakan salah satu inisiatif bantuan di bawah MAIPK yang bertujuan membantu golongan fakir dan miskin dalam memenuhi keperluan barangan asas harian. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya, pengauditan terhadap Program Bank Makanan MAIPK telah dijalankan melalui kerjasama dengan pihak masjid terpilih di seluruh negeri Perak.

Pengauditan ini memberi fokus kepada tahap pengurusan, keberkesanan penyampaian bantuan serta impak program terhadap kesejahteraan penerima. Hasil penilaian ini akan menjadi panduan penting dalam memperkukuh tadbir urus program bantuan serta memastikan setiap agihan yang dilaksanakan benar-benar memberi manfaat kepada asnaf yang memerlukan.





KERATAN AKHBAR

8

Nasional

Sultan Nazrin terima serahan zakat syarikat korporat RM14.2j

Ipoh: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah semalam berkenan menerima bayaran zakat keseluruhan RM14.2 juta daripada tujuh syarikat korporat kepada Zakat Perak Al-Ridwan (ZAPAR) di Istana Perak, Changkat Persekutuan, Kuala Lumpur.

Jumlah disatukan didahului oleh Lembaga Tabung Haji (TH) yang diwakili oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mustakim Mohamad membawakan nilai RM6.77 juta, diikuti PLUS Malaysia Berhad diwakili Ketua Pegawai Komerstialnya, Mohd Fauzi Purniran (RM2.9 juta).

Sementara itu, Btiga General Takaful Berhad (RM1.8 juta), Takaful Malaysia (RM1 juta), Pertubuhan Pabang Kebangsaan (NAFAS- RM0.9 juta), Pintas Utama Sdn Bhd (RM0.5 juta) dan FGV Holdings Berhad (RM0.4 juta).

Sultan Nazrin berkenan menyerahkan zakat perniagaan itu kepada Yang Dipertua, Ma-

jlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Tan Sri Mohd Annuar Zaini.

Dalam majlis sama, Sultan Nazrin turut berkenan mengurniakan Warkah Penghargaan kepada Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Hairulnazar Mohamad atas penyerahan Aset Wakaf Hotel Seri Warisan Tajing kepada JAWHAR.

Turut hadir pada majlis itu adalah Raja Kecil Besar Perak, Datuk Seri Adnan Munzir Shah, Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Tan Sri Dr Mohd Zahidi Zaimuddin, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazman Md Salleh dan Pengurus Besar ZAPAR, Ahmad Nazim Md Tajur.

ZAPAR adalah entiti rasmi baharu pungenan zakat Negeri Perak yang dilancarkan Sultan Nazrin pada Jun lalu dengan ia diwujudkan melalui penyertaan sebuah anak syarikat milik penuh MAIPK bagi menampung baik tugas pungenan zakat.



Pengurus Eksekutif Pintas Utama Sdn Bhd, Tan Sri Zaimudin Karjan menyampaikan zakat perniagaan berjumlah RM500,000 kepada Sultan Nazrin Muizzuddin Shah. (Foto: Ihsan ZAPAR)

Khamis, 28 Oktober 2025

28

Utusan Malaysia
JUMAT • 3 OKTOBER 2025

BANGUNAN yang digunakan sebagai surau di Kampung Seri Keramat, Pasir Puteh di Ipoh, Perak.

Surau dibina tanpa kelulusan MAIPK

IPOH: Orang ramai dinasihatkan tidak terpengaruh dengan sebarang dakwaan tidak tepat berhubung isu sebuah bangunan yang digunakan sebagai surau di Kampung Seri Keramat di sini.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Tan Sri Mohd. Annuar Zaini berkata, ini kerana bangunan surau tersebut berada di atas tanah milik syarikat pemaju swasta.

Katanya, pembinaan bangunan surau tersebut juga dibuat tanpa sebarang permohonan dan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan pihak MAIPK selaku pihak berkuasa agama negeri dan pembinaannya tidak sah dan bertentangan dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

"Tanah tapak surau lama tersebut tidak pernah diwakafkan, tidak berdaftar sebagai harta wakaf MAIPK dan tiada sebarang permohonan rasmi dibuat sebelum pembinaannya.

"Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bertarikh 30 September-1 Oktober 2020 juga menetapkan surau lama tersebut perlu dipindahkan kerana berada di atas tanah bukan wakaf," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Katanya, peruntukan subseksyen 87(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 mensyaratkan mana-mana bangunan yang ingin dibina, diguna atau diiktiraf sebagai masjid atau surau mestilah didirikan di atas tanah yang telah diwakafkan secara sah atas nama MAIPK.

KOMUNITI SABTU 25 OKTOBER 2025

NEGERAI 5

Graduan ceburi produk berasas cili

2030
PERAK
SEJAHTERA

oleh MEGAT LUTHI MEGAT RAMIN

PARIT - Percaya pada prospek produk berasaskan cili, seorang graduan (Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dengan Kejuruan Universiti Teknologi Petronas (UTP) mengambil tindakan untuk mencubai bidang perniagaan itu secara serius sejak 2018.

Muhammad Fitri Jami, 35, berketetapan strategi perniagaan yang unik dengan memperkembangkan pelbagai variasi produk sos cili dan pes sambal tumis membolehkan beliau memperoleh pendapatan lumayan merecah lima angka sebulan.

"Sebagai contoh, saya mempunyai lima unit penyimpanan stok (sku) produk sos cili pelbagai saiz dengan pecahan sasaran pelanggan yang berbeza-beda, seperti rumah, pejabat, restoran, hotel, dan sebagainya.

"Sementara itu, produk pes sambal tumis pula sesuai untuk pengusaha catering dan restoran."



MUHAMMAD FITRI menunjukkan pelbagai produk berasaskan cili keahliannya syarikatnya di Taman Indera Putera, Bota baru-baru ini.

katanya kepada Kosmo! di premisnya di Taman Indera Putera, Bota di sini baru-baru ini.

Muhammad Fitri menerangkan, bantuan geran bertentangan berbeza-beda peralatan dan pinjaman tanpa faedah oleh Jabatan Pertanian Negeri, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) dan Yayasan Perak membantu melorotkan lagi perniagaannya.

"Bantuan berbentuk peralatan seperti meja kerja, peti sejuk, mesin peket, pengadun, pembungku-

san, pemasaran dan pembangunan laman web banyak membantu kestabilan perniagaan.

"Bahkan, ketiga-tiga agensi ini kerap melakukan lawatan di premis untuk memastikan produk-produk ini dapat menjangkau pasaran di seluruh negeri," katanya.

Muhammad Fitri menjelaskan, menaruh bantuan itu beliau mempunyai impian sendiri yang canggi, membekalkan syarikatnya menjadi pengilang peralatan asal (OEM) untuk produk-produk bumiputera di

sekitar negeri ini yang membantu memperkembangkan lagi perniagaan.

"Ketiga-tiga agensi ini juga memberikan input terbaik dalam pemerolehan penjalinan halal dan pengiktirafan Kementerian Kesihatan untuk pengilang Makanan Selamat Tanggungjawab Industri."

"Saya turut memperkembangkan sos cili berbentuk saset (peket kecil) dan dua syarikat berkaitan restoran makanan segera telah menjadi pelanggan tetap setakat ini."

"Sementara itu, produk pes sambal tumis pula sesuai untuk pengusaha catering dan restoran."

Selain itu, saya turut memberikan bantuan kepada perusahaan kecil dan sederhana dan petani berkaitan teknologi internet, pelbagai benda (IoT), Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta konsep pertanian pintar," katanya.

Perkembangan ini selari dengan pelan Perak Sejahtera 2030 di bawah bimbingan Perak sebagai Koridor TVET Malaysia yang diasaskan menjadi pusat institusi ilmu dan pertanian moden.

Ini juga sejajar dengan tumpuan utama di Perak iaitu Industri Asas Makanan.

Bantuan itu pula selaras dengan flagship pertama Perak Sejahtera 2030 iaitu Lembah Baitul Makam Malaysia (Sekuriti Makanan) dan flagship kedua, Program Pembiayaan Modal Isan dan Pembangunan Sejangkang Hayat, iaitu 1 Keluarga 1 Usaha dan cetusan berawakan Menteri Besar, Datuk Seri Saari Mohamad bagi memacu negeri ke arah kemajuan rakyat.

34 KOMUNITI KITA!

KOSMO! SABTU 11 OKTOBER 2025

Pembaca Kosmo! kini boleh berkongsi foto-foto aktiviti menarik untuk disiarkan dalam ruangan ini. Sila e-mel foto aktiviti bersama keterangan gambar yang disertakan dengan nama dan nombor telefon anda. E-melkan kepada komunitikosmo@mediamulio.com.my. Sebarang urusan pembelian/pesanan akhbar Kosmo! hubungi 019-333 0317.



ATAS: Seramai 100 peserta asnaf Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak berlepas untuk menyertai kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang minyak dan gas bersama Trovok Basic Offshore Safety Induction and Emergency Training (T-BOSIET) di Akademi Binaan Malaysia di Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh baru-baru ini.



JOM BAYAR FIDYAH Online

INFO
BAITULMAL

“Dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin.”

[al-Baqarah 2:184]

Mesyuarat Fatwa Negeri Perak kali ke-236 pada 14 Disember 2024 secara prinsipnya memberi mandat kepada MAIPK untuk menerima, mengagih dan menguruskan bayaran fidyah.

SIAPA

YANG WAJIB MEMBAYAR FIDYAH?

IMBAS KOD QR

- 1 SAKIT / UZUR YANG TIADA HARAPAN SEMBUH
- 2 PEREMPUAN YANG MENYUSUKAN ANAK (BIMBANG KESIHATAN DIRI DAN KANDUNGANNYA)
- 3 WANITA YANG MENGANDUNG (BIMBANG KESIHATAN DIRI DAN KANDUNGANNYA)
- 4 ORANG TUA YANG TIDAK MAMPU BERPUASA
- 5 ORANG YANG MENINGGAL DUNIA (BELUM SEMPAT MENGQADA' PUASANYA) DAN WARIS WAJIB MEMBAYAR FIDYAHNYA



<https://fidyah@maipk.gov.my>



MUDAH



CEPAT



SELAMAT

“TUNAIKAN FIDYAH, SEMPURNAKAN IBADAH”

مجلس ائام اسلام دان عادت ملايو قيراق

www.maipk.gov.my/



05-2084073 / 05-2084019

KINI
BERWAJAH
BARU

HOTEL
Seri Warisan
TAIPING, PERAK



HOTEL SERI WARISAN

Rancang percutian santai anda di Hotel Seri Warisan Taiping!

Menggabungkan gaya moden urban dengan sentuhan tradisi, hotel ini terletak di Bandar Warisan Taiping dengan pelbagai destinasi ikonik yang wajib dikunjungi. Nikmati penginapan anda di bilik yang selesa, sajian pelbagai cita rasa di restoran, serta kemudahan mesyuarat lengkap untuk keperluan profesional anda.

Hotel Seri Warisan sedia menyambut kedatangan anda dengan layanan mesra dan suasana tenang di Bandar Warisan Taiping!

Fasiliti

- ✓ Parking
- ✓ Lif ke Semua Tingkat
- ✓ Wi-Fi
- ✓ Surau Lelaki & Perempuan
- ✓ Dewan Serbaguna
- ✓ Bilik Mesyuarat
- ✓ Kolam Renang
- ✓ Restoran Halal & Coffee House

Hubungi Kami



05-805 2312

Harga Bermula

RM175++/Malam



reservation.seriwarisan@gmail.com



2453, Jalan Convent, Kampung
Jambu, 34000 Taiping, Perak